



Anugerah
KADEMIK
UNIVERSITI
2014

28 September 2015 | Isnin



PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

INGATAN TULUSIKHIAS

SUMBANGAN



اويزور ستي تيكيكيا ملاك .)l)yt - 0.> 9 .!/?&n

TEL :06-270 1000 FAKS 06 -270 1022

<http://library.utm.edu.my>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

87510431/k1

(a)

LB1062.6 .A58 2015



87510431




اونيورسي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

© Cetakan Pertama 2015

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diperbaharui semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat. Juga pun, samada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka.





nugerah
KADEMIK
UNIVERSITI
2014

Visi

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia

Misi

UTeM bertekad untuk menerajui sumbangan kepada kesejahteraan negara dan dunia dengan:

- Memartabatkan ilmu melalui pendidikan, penyelidikan dan keserjanaan teknikal yang inovatif;
- Membentuk pemimpin bersahsiah murni yang profesional;
- Menjana pembangunan lestari bersama industri dan komuniti.



Kata Alu-Aluan

NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya mengizinkan kita bersama-sama berhimpun sekali lagi pada tahun ini bagi meraikan para akademik UTeM yang telah berjaya melakar kecemerlangan dalam bidang akademik, penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan pada Majlis Anugerah Akademik Universiti (AAU) tahun 2014.

Masa depan dan kejayaan negara amat bergantung kepada usaha kita dalam melahirkan pelajar yang seimbang dan harmoni di mana bukan sahaja mampu menguasai ilmu menerusi penganugerahan segulung ijazah malah memiliki nilai serta kebijaksanaan berhadapan dengan cabaran kehidupan yang semakin kompleks.

Bagi melahirkan dan membangunkan potensi graduan yang berkualiti dan seimbang tidak hanya bergantung kepada infrastruktur dan prasarana sahaja malah memerlukan ahli-ahli akademik atau tenaga pensyarah yang berkualiti tinggi, dirujuk, dihormati serta berpengalaman luas. Justeru itu dalam menyahut cabaran ini, ahli akademik khususnya di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) perlu mempertingkatkan kualiti dan memaksimumkan potensi diri masing-masing menerusi usaha-usaha berterusan dalam pelbagai aspek merangkumi pengajaran, penyelidikan, penerbitan, komuniti dan rangkaian luas.

Di atas kegigihan dan potensi yang ditonjolkan dalam membangunkan bakat yang seimbang dan melonjakan kecemerlangan UTeM maka sewajarnya pengiktirafan diberikan kepada para akademik ini. Sehubungan itu, Anugerah Akademik Universiti Teknikal Malaysia Melaka (AAU) merupakan anugerah tahunan yang berprestij diadakan bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan para akademik UTeM sekaligus meningkatkan kecemerlangan mereka di peringkat Universiti seterusnya Negara. Tradisi penghargaan ini secara tidak langsung dapat menyokong

usaha universiti dalam membentuk dan membudayakan ekosistem akademik agar lebih segar dan dinamik.

Sebagai makluman, penganjuran AAU pada kali ini merupakan edisi keenam sejak diperkenalkan pada tahun 2009. AAU 2014 menyaksikan sembilan (9) kategori anugerah iaitu Anugerah Tokoh Akademik, Akademik Harapan, Pengajaran, Penerbitan Buku, Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan Produk, Penghasilan Makalah Jurnal dan Khas Kumpulan dan tambahan satu lagi kategori baharu iaitu Kualiti Makalah Jurnal.

Saya percaya dengan keperkasaan dan kecemerlangan ahli akademik UTeM sehingga berjaya dinobatkan sebagai penerima anugerah pada malam ini bakal menyuntik semangat serta inspirasi kepada rakan akademik yang lain agar hasrat UTeM menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia menjadi realiti. Semoga kejayaan ini akan menjadi asas dan pemangkin untuk memartabatkan lagi budaya kecemerlangan akademik di UTeM. Terima kasih dan syabas kepada semua jawatankuasa yang terlibat di atas komitmen tinggi terutama di dalam mengendalikan proses pemilihan penerima anugerah padatahun ini.

Sekian, Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib

Naib Canselor

Universiti Teknikal Malaysia Melaka



Atur Cara

ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI 2014

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

28 SEPTEMBER 2015 | ISNIN | BALLROOM 1, HATTEN HOTEL MELAKA

- 7.45 malam : Ketibaan Para Tetamu & Jemputan
8.15 malam : Ketibaan Ahli Lembaga Pengarah Universiti
8.20 malam : Ketibaan Naib Canselor
8.30 malam : Ketibaan Pro Canselor

- : *Lagu Negaraku*
: *Lagu Melaka Maju Jaya*
: *Lagu UTeM Terbilang*

- : Bacaan Doa
: Ucapan Naib Canselor
: Persembahan Multimedia
: Makan Malam

: Penyampaian Anugerah Akademik Universiti Tahun 2014

- Anugerah Pengajaran
- Anugerah Penerbitan Buku
 - Anugerah Penyelidikan
 - Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk
 - Anugerah Penghasilan Makalah Jurnal
 - Anugerah Kualiti Makalah Jurnal
 - Anugerah Khas Kumpulan
 - Anugerah Akademik Harapan
 - Anugerah Tokoh Akademik

- 11.00 malam : Pro Canselor meninggalkan majlis
: Jemputan meninggalkan majlis



Anugerah Akademik Universiti

Anugerah Akademik Universiti adalah pengiktirafan tertinggi oleh universiti terhadap kecemerlangan ahli akademik di UTeM. Kecemerlangan dan pencapaian yang diiktiraf adalah meliputi bidang pengajaran, penyelidikan dan penerbitan bahan ilmiah. Anugerah ini juga bertujuan untuk menghargai dan mengiktiraf kecemerlangan yang telah dicapai oleh staf akademik samada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Anugerah ini juga diwujudkan sebagai satu inspirasi bagi staf akademik universiti meningkatkan keserjanaan dan sumbangan dalam mengharumkan nama Universiti di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Inisiatif ini selaras dengan usaha melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) melalui lonjakan 2 iaitu Kecemerlangan Bakat.



Anugerah Tokoh Akademik

Galon yang menerima Anugerah Tokoh Akademik UTeM merupakan seorang pensyarah yang komited, terlibat secara menyeluruh dan berterusan dalam proses penemuan dan penerokaan ilmu serta memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan negara ke arah meningkatkan kualiti kehidupan manusia.

Anugerah akan dipertimbangkan bagi calon yang telah menerajui secara holistik bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan pentadbiran akademik.

Galon hendaklah telah berkhidmat sebagai pensyarah di universiti tempatan selama sekurang-kurangnya **lima** (5) tahun dalam kerjaya akademik serta telah menerima Anugerah Perkhidmatan Gemerlang Universiti.

Galon juga hendaklah menunjukkan kecemerlangan secara berterusan dalam bidang akademik yang diterajui serta membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.

Pemberian Anugerah adalah berdasarkan kepada Jawatankuasa Pencarian yang dipengerusi kan oleh Naib Ganselor.

Anugerah Akademik Harapan

Anugerah Akademik Harapan bertujuan memberi pengiktirafan kepada ahli akademik muda yang berkemampuan dan berkaliber. Penerima Anugerah Akademik Harapan ialah seorang ahli akademik yang beriltizam, terlibat secara menyeluruh dan menyumbang kepada penemuan dan pembangunan ilmu, penjana kekayaan negara dan memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan negara dan dunia ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup manusia sejagat. Penerima anugerah hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja.

Calon mesti berumur di bawah **35 tahun pada 1 Januari 2015** dan berkhidmat sebagai ahli akademik di UTeM selama sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun secara kumulatif**. Calon mestilah menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik yang diterajui, menerajui bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik secara holistik dan membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.

Kriteria Penilaian:

- Pengajaran dan Penyeliaan
- Penulisan dan Penerbitan
- Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan
- Perundingan
- Sumbangan kepada Universiti dan Masyarakat

Calon-calon:

- i. Hazriq Izzuan bin Jaafar
- ii. Mohd Azlibin Salim
- iii. Dr. Massila binti Kamalruddin
- iv. Dr. Mohd Fadzli bin Abdallah
- v. Ir. Anuar bin Mohamed Kassim



HAZRIQ IZZUAN BIN JAAFAR
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

PENGAJARAN DAN PENYELIAAN

Memulakan kerjaya sebagai Tutor pada tahun 2007 dan kemudiannya dilantik sebagai Pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Beliau telah diberikan tanggungjawab sebagai Ketua Jabatan Pengajian Diploma pada tahun 2015 bagi tempoh 2 tahun. Penglibatan aktif dalam aktiviti pengajaran dengan beberapa subjek seperti Elektronik Kuasa Dalam Industri, Kecekapan Tenaga, Amalan kejuruteraan, Fizik, Kejuruteraan Sistem Kawalan, Elektronik Digit dan beberapa subjek lagi.

Dari segi penyeliaan, beliau terlibat secara aktif dalam menyelia pelajar Latihan Industri seramai 20 pelajar. Selain itu, beliau juga terlibat dengan Projek Tahun akhir Diploma seramai 63 pelajar pada tahun 2013 dan 22 pelajar tahun 2015. Penglibatan beliau juga dapat dilihat dalam penyeliaan Projek Sarjana Muda, iaitu seramai 8 pelajar bermula dari tahun 2014 hingga 2015 manakala penyeliaan secara bersama bagi calon Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Elektrik adalah seramai 2 pelajar. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau telah menjalankan tanggungjawab sebagai Penasihat Akademi untuk seramai 54 orang pelajar di fakulti bermula pada tahun 2013 hingga 2015.

PENULISAN DAN PENERBITAN

Dari Aspek penulisan, beliau telah menghasilkan enam jurnal berindeks antaranya yang diterbitkan dalam *Journal of Engineering and Technology (JET)*. Beliau juga aktif dalam penulisan bersama iaitu sebanyak 22 penulisan. Manakala bagi prosiding pula, 8 prosiding sebagai penulis pertama dan penulis bersama sebanyak 18 prosiding. Disamping itu, beliau juga aktif dalam penulisan modul pengajaran di peringkat fakulti sebagai contoh *Fundamental Circuit Theory 2 (Module 15)*. Beliau juga menerbitkan *U-Learn* untuk 5 subjek, antaranya Makmal Asas Elektrik & Elektronik, Automation, Kejuruteraan Sistem Kawalan, *Digital Electronics* dan *Analogue Electronic*.

Beliau juga dilantik sebagai *Editorial Board* bagi Jurnal Teknologi - *Special Edition* bagi *5th International Conference on Underwater System Technology - USYS'14* oleh Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2015.

PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSI LAN

Beliau terlibat sebagai Ketua Projek bagi 2 Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dan Geran Penyelidikan "*Demand-Driven Innovation Project By Public-Private Research Network (PPRN)*". Beliau juga terlibat dalam 3 projek FRGS sebagai penyelidik bersama dan 1 bagi Projek dibawah Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS). Penglibatan beliau juga aktif diperingkat Penyelidikan Jangka Pendek dengan 4 projek, satu yang ketua oleh beliau sendiri manakala 3 projek sebagai penyelidik bersama.

SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI DAN MASYARAKAT

Sepanjang perkhidmatan beliau di UTeM, beliau telah memberikan sumbangan kepada pembangunan Fakulti. Beliau merupakan Penyelaras Bengkel Semester Khas, Pengajar bagi Program *Intervensi Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS)*, Ketua Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Ahli Jawatankuasa Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P), Pemerhati Konvesyen KIK, Petugas sempena Karnival Pendidikan Kerjaya Kolej-Kolej Matrikulasi. Beliau juga pernah dilantik sebagai Panel Penilai Pertandingan "*Innovation & Technology (INOTEK 2015, Panel 1st Tinker Innovation and Entrepreneurship Challenge (T.I.E.C)*", Pegawai bagi Pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan dan banyak lagi sumbangan sama ada diperingkat Fakulti dan Universiti.

Beliau juga pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2014, disamping beberapa anugerah lain hasil kepakaran beliau. Antaranya *Gold Award (International Innovation and Design Expo)*, *Gold prize (International Engineering Invention & Innovation Exhibition)*, Anugerah Emas (Expo Penyelidikan dan Inovasi), *Silver Prize (Seoul International Invention Fair)*, Silver (PECIPTA) dan banyak lagi anugerah penyelidikan dan penghargaan hasil sumbangan beliau.



MOHD AZLI BIN SALIM
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

PENGAJARAN DAN PENYELIAAN

Memulakan kerjaya sebagai Tutor daripada tahun 2006 dan dilantik Pensyarah pada 2009, sehingga kini, antara subjek-subjek yang telah diajar adalah Mekanik Pepejal II, Pengukuran dan Instrumentasi, Getaran Mekanikal, Kejuruteraan Kawalan serta amali di Makmal Automotif I, Makmal Rekabentuk dan Inovasi 1 dan Makmal Termabendalir 3. Beliau juga menyelia seramai 14 orang pelajar Latihan Industri bermula daripada sesi 2009/2010 dan 13 orang pelajar PSM.

Selain itu, beliau juga adalah Penasihat Akademik kepada 94 orang bermula 2009-2012.

PENULISAN DAN PENERBITAN

Dari segi penulisan dan penerbitan, jumlah jurnal dan prosiding yang pernah diterbitkan adalah sebanyak 83 artikel. Dimana, 52 artikel jurnal dan prosiding yang dihasilkan adalah sebagai penulis pertama dan 31 artikel adalah sebagai penulis bersama. Beliau juga menghasilkan penerbitan makalah dimana sebanyak 9 makalah adalah sebagai penulis utama dan 1 sebagai penulis bersama.

Di peringkat Universiti, beliau juga menerbitkan *U-Learn* untuk 3 subjek iaitu Amalan Kejuruteraan: *Instrumentation and Matlab*, *Measurement and Instrumentation* dan *Control Engineering*. Beliau juga terlibat dalam menghasilkan Buletin FKM dan *Jurnal of Mechanical Engineering and Technology*.

PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSILAN

Beliau terlibat sebagai ahli untuk 2 Geran Jangka Panjang yang berjaya diperolehi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu ERGS dan juga RAGS.

Beliau juga mempunyai 1 Geran Penyelidikan Jangka Pendek (PJP) dimana 3 daripadanya adalah sebagai Ketua Penyelidik dan bakinya sebanyak 12 geran adalah sebagai penyelidik bersama.

SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI DAN MASYARAKAT

Bagi sumbangan kepada universiti, beliau pernah dilantik sebagai Penyelaras bermula daripada 2009 hingga 2011 untuk 3 subjek di Fakulti. Beliau juga berkhidmat sebagai Felo di Kolej Kediaman Emerald pada tahun 2010. Selain itu, beliau juga aktif di dalam menganggotai beberapa jawatankuasa di peringkat fakulti dan universiti antaranya Jawatankuasa Kecil Terbitan Jurnal MTUN, Jawatankuasa Sekretariat Pasukan UTeM Robocon 2012, Jawatankuasa Penganjur Hari Penyelidikan FKM 2011, Jawatankuasa Program Minggu Reka Bentuk dan sebagainya.

Di samping itu, beliau juga pernah dijemput untuk menjadi penilai, juri, pempamer produk penyelidikan mahupun Penceramah untuk program-program yang dikelolakan oleh sekolah-sekolah sekitar negeri Melaka.

Sepanjang perkhidmatan di universiti, beliau merupakan salah seorang pemenang Anugerah Akademik Universiti tahun 2010 bagi kategori Anugerah Penerbitan Jurnal dan pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2009. Beliau juga giat dalam menyertai pertandingan inovasi di peringkat kebangsaan seperti Malaysia Technology Expo 2015 dengan memenangi pingat perak dan gangsa. Di peringkat universiti, beliau turut menyertai UTeMEX dan memenangi pingat gangsa pada tahun 2012 dan pingat perak di Mini UTeMEX 2014. Beliau juga terlibat sebagai panel penilai antarabangsa bagi African Journal of Agricultural Research, Indonesian Journal of Electrical Engineering dan World Applied Science Journal serta National Conference on Active Learning 2011 untuk peringkat kebangsaan.



DR MASSILA KAMALRUDIN
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

PENGAJARAN & PENYELIAAN

Beliau memulakan kerjaya akademik sebagai seorang Tutor dan lantikan pensyarah pada tahun 2006 dan pensyarah kanan pada tahun 2011 sehingga kini. Beliau telah menamatkan pengajian Peringkat Doktor Falsafah dalam Bidang Elektrik dan Elektronik dari Auckland Universiti, New Zealand. Sepanjang perkhidmatan, beliau terlibat dengan aktiviti pengajaran diperingkat Jazah dasar di bawah Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Antara subjek yang diajar oleh beliau terdiri dari Kejuruteraan Perisian, Pengurusan Projek Perisian, Validasi dan Verifikasi Perisian, Pengaturcaraan Komputer, Teknologi Maklumat Pembuatan serta beberapa subjek lain yang telah ditetapkan oleh pengurusan fakulti. Di peringkat pasca siswazah, beliau juga menyumbang kepakaran akademik dengan mengajar subjek *Technology Forecast*, *PencungkilKeperluan* dan *Requirement Elicitation*, sebagai keperluan *Program Master of Business Administration (MBA)* di UTeM.

Selain itu, beliau juga terlibat dengan dengan aktiviti penyeliaan pelajar latihan industri dan Penyeliaan bagi Mata Pelajaran Projek Diploma & Jazah Sarjana Muda di FTMK. Beliau menyelia tiga (3) Pelajar Sarjana Sains sebagai penyelia utama atau pun secara bersama. Malah, diperingkat Doktor Falsafah beliau mempunyai tiga (3) calon pelajar dibawah penyeliaan beliau.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENULISAN DAN PENERBITAN

Beliau turut aktif dalam penulisan dan telah menerbitkan 11 hasil penulisannya dalam jurnal berindeks terdiri dari *Journal: Science International Lahore*, *International Journals of Computer* dan *WSEAS Journal of Transactions on Information Science and Applications*. Di samping itu, beliau turut terlibat dalam penghasilan 24 prosiding yang mana penglibatan beliau adalah sebagai penulis utama.

PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSILAN

Beliau mendapat pembiayaan penyelidikan dari geran FRGS, ERGS, SCIENCEFUND dan PJP sama ada ianya melibatkan peranan beliau sebagai Ketua Projek atau penyelidik bersama. Pencapaian beliau dalam aspek penyelidikan terserlah dengan geran luar Negara dan universiti tempatan yang diperolehi dari Research Management Centre IUM dan Fulgent Corporation USA.

Malah, keterlibatan beliau dalam penyelidikan turut menyumbang kepada projek kerjasama Kajian Bersepadu RTC Malaysia (Pusat Transformasi Luar Bandar), Strategi Lautan Biru Kebangsaan 4 dengan nilai geran sebanyak RM395,000.00 (Penyelidik bersama).

Inovasi beliau melalui produk *ORDER SAYA: APPLICATION FOR FOOD ORDERING* telah berjaya dibangunkan dan mendapat hak cipta. Terdapat juga beberapa produk yang telah diberikan hak cipta seperti *SECMEREQ: A Tool Support to Capture Security*, *TEST MEREQ: An Automated Requirements Validation Tool* serta *Maternal Health Care Mobile Application (MAMA)*.

SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI DAN MASYARAKAT

Selain itu, beliau juga mengetuai hubungan kerjasama Universiti Industri melalui Memorandum Persefahaman (MOU) di antara UTeM dan IBM Malaysia Sdn. Bhd dalam tempoh 3 tahun. Beliau juga merupakan Pengurus (Pusat Kecemerlangan -CoE) dan Penyelaras bagi Program *Master by Course*. Beliau juga aktif bergiat dalam bidang penulisan di peringkat fakulti dan pengajian siswazah. Penglibatan beliau sebagai penganjur dan jawatankuasa kolokium dan seminar turut menyumbang kepada perancangan dan pelaksanaan seminar bulanan di fakulti.

Kepakaran beliau telah dihargai oleh Universiti dan pernah merangkul Anugerah Penyelidikan dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2013. Beliau juga pernah dianugerahkan sijil Emas bagi Inovasi beliau iaitu *TestMEreq*. Penglibatan beliau juga dapat dilihat melalui penyertaan dan penganjuran ekspo/Simposium yang dianjurkan seperti *MINI UTeMEX*, *IEEE Symposium on Visual Languages and Human Centric (Melbourne)* dan *ISO RIS*.

Sumbangan beliau tidak terhad pada Universiti dalam usaha merakyatkan pendidikan. Beliau juga berperanan sebagai Fasilitator bagi Program Pengenalan ICT bersama Anak Yatim Fatimah Al-Zaharah, Program Aplikasi *Google Doc* kepada pelajar sekolah dan program kemahiran Belajar untuk Pelajar Darjah 6 serta terlibat dalam program Bantuan Pengisian *UPU Online* bagi program khidmat masyarakat.



DR. MOHD FADZLI BIN ABDOLLAH
FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL

PENGAJARAN DAN PENYELIAAN

Mohd. Fadzli bin Abdallah telah berkhidmat di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UTeM selama 10 tahun di dalam bidang pengkhususan Sains Mekanikal dan Kejuruteraan. Beliau mempunyai pencapaian yang baik dalam aspek pengajaran dan penyeliaan yang mana beliau berpengalaman luas dalam mengendalikan proses perkuliahan untuk subjek tertentu kepada lebih dari 45 orang pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Beliau turut terlibat dalam Amalan Kejuruteraan sebanyak 16 kredit di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan 6 kredit di peringkat Sarjana.

Mohd Fadzli turut terlibat dalam latihan industri di mana beliau pernah menjadi penyelia kepada 16 orang pelajar yang mengikuti latihan industri di beberapa syarikat ternama antaranya Agensi Nuklear Malaysia, Gas Malaysia Berhad, Perusahaan Automobi Nasional Sdn. Bhd. dan sebagainya. Seterusnya, beliau mempunyai pengalaman yang meluas dalam penyeliaan projek-projek pelajar, yang mana beliau pernah diberi tanggungjawab sebagai Penyelia Projek Sarjana Muda (PSM) kepada 15 orang pelajar, Penyelia Utama kepada 6 orang pelajar, Sarjana Penyelia Bersama terhadap 2 orang pelajar Sarjana dan Penyelia Pertama terhadap satu Projek Sarjana Kejuruteraan Automotif secara Kerja Kursus. Pengalaman yang meluas dalam penyeliaan turut disumbangkan di peringkat Doktor Falsafah, di mana beliau telah dilantik sebagai Penyelia Utama dan Bersama bagi 3 orang pelajar PhD. Sebagai seorang ahli akademik, tanggungjawab sebagai Penasihat Akademik merupakan satu kemestian. Oleh yang demikian, Mohd Fadzli turut berkongsi ilmu dan pengalaman beliau kepada lebih daripada 75 orang anak didiknya.

PENULISAN DAN PENERBITAN

Dalam aspek penulisan dan penerbitan, beliau pernah terlibat sebagai penterjemah Buku Panduan Dalas Datar. Manakala sumbangan di peringkat universiti pula, beliau telah menghasilkan 7 modul/nota di dalam U-Learn, terlibat sebagai ketua editor dan editor bersama serta penyunting dalam penerbitan seperti *CARE: Introduction to Researcher Profiles*, *Jurnal Tribologi*, *Jurnal Teknologi*, *Procedia Engineering* dan lain-lain lagi. Beliau turut terlibat secara langsung sebagai Penulis Utama dan Bersama dalam 26 Jurnal dan 15 Prosiding.

PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSILAN

Mohd Fadzli turut memberi sumbangan yang pelbagai dalam penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan. Dalam aspek penyelidikan beliau telah memberi sumbangan sebagai Ketua Program dan Ketua Projek untuk Skim Geran penyelidikan FRGS(1) dan ERGS (3), manakala Penyelidik Bersama dalam Geran Penyelidikan TRGS, FRGS, ERGS, RACE, RAGS, PRPUM, CoE MTUN, PPRN dan PROTON-AIM. Beliau juga merupakan Ketua Projek untuk *TWAS Research Grants Programme Italy* dan pernah menjalankan tugas sebagai Ketua Projek dan Penyelidik Bersama untuk 5 geran PJP UTeM sendiri. Beliau turut berjaya dalam menghasilkan 2 hak cipta yang bertajuk *Emerging Lubricant Technology for Ball Bearing* dan *Nano-Oil For A Greener Future*.

SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI DAN MASYARAKAT

Sumbangan Mohd Fadzli turut diberikan kepada universiti dan masyarakat. Beliau pernah dilantik sebagai Ketua Jabatan (Pengajian Diploma) FKM, Pengurus CoE FKM dan Ketua Kumpulan Penyelidikan *G-TriboE-CaRe*. Selain menjadi penyelaras kepada 8 mata pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda, beliau turut terlibat di dalam pelbagai jawatankuasa di peringkat antarabangsa, kebangsaan, universiti dan pusat tanggungjawab. Antaranya adalah pelantikan sebagai Pengerusi *Malaysian International Tribology Conference (MITC2015)*, Ahli Jawatankuasa *International Tribology Conference* yang dianjurkan di Jepun, Turki, Thailand, Indonesia dan Malaysia sendiri. Di peringkat universiti pula, beliau pernah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa UTeMEX 2015, MUCET 2014, Buletin RICE@UTeM dan lain-lain lagi.

Beliau juga turut aktif dalam menyertai pelbagai pameran dan pertandingan penyelidikan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan sehinggakan berjaya memperoleh pelbagai anugerah dan pencapaian cemerlang yang antaranya adalah Emas dalam UTeMEX 2013, Perak dalam *Bio Innovation Awards 2013* dan PECIPTA'13, Mini UTeMEX 2014 serta Gangsa dalam *Malaysia Technology Expo 2014*.



ENGR. ANUAR BIN MOHAMED KASSIM
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK

PENGAJARAN DAN PENYELIAAN

Merujuk kepada aktiviti pengajaran, sebanyak sembilan (9) matapelajaran dan dua (2) makmal sebagai penyelaras telah dipertanggungjawabkan sepanjang berkhidmat dari 2010 sehingga 2015. Beliau telah mengajar subjek seperti Pemrosesan Isyarat Digit, Teknologi Mikropengawal, Robotik, Isyarat dan Sistem, Sistem Pembuatan Termaju, Pengantar Sistem Kawalan, Sistem Komunikasi, Grafik Kejuruteraan dan menjadi penyelaras bagi Makmal Asas Kejuruteraan dan Makmal Kejuruteraan Sistem. Selain itu, beliau juga berkhidmat sebagai guru bahasa Jepun di Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan selama 2 semester dengan diberikan sebanyak 3 kelas setiap semester sebagai beban tugas tanpa sebarang bayaran suguhati. Semasa sesi pengajaran juga, beliau menerapkan nilai dan aplikasi bagi setiap ilmu yang diajar berdasarkan kepada pengalaman bekerja sebagai jurutera R&D di industri selama 2 tahun di Panasonic Communications Co. Ltd Jepun dan sangkut industri di syarikat perunding Mekanikal dan Elektrikal iaitu Menara Teknik. Dengan pendedahan ini, pelajar lebih terbuka dan terdedah kepada dunia pekerjaan yang bakal dilalui dan menghargai setiap ilmu yang dipelajari. Selain itu, beliau juga menerapkan cara pengajaran berdasarkan ilmu yang dihasilkan dari penyelidikan terkini bagi memberikan ilmu dan teknologi terkini dan interaktif kepada pelajar. Dari sudut penyeliaan, sepanjang perkhidmatan, beliau telah menyelia tiga (3) orang pelajar sarjana secara penyelidikan dan disamping seramai 29 projek sarjana muda dan satu (1) projek Diploma dan telah bergraduasi dan ada diantaranya mendapat Anugerah Pelajaran Oiraja pada 2011. Dari sudut penyeliaan terhadap pelajar yang menjalani latihan industri, seramai 24 orang pelajar telah disela. Sebagai seorang pensyarah, beliau juga merupakan penasihat akademik kepada lima (5) orang pelajar,

PENULISAN DAN PENERBITAN

Dari aspek penulisan, beliau telah menghasilkan satu (1) modul pengajaran. Selain itu, beliau telah menghasilkan 22 jurnal berindeks dimana lapan (8) daripadanya adalah sebagai Penulis Utama dan diterbitkan di jurnal berindeks SCOPUS. Beliau juga menghasilkan 35 prosiding di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Manakala bagi prosiding pula, 19 buah prosiding sebagai penulis pertama dan kebanyakannya diterbitkan di IEEE Explore yang berindekskan SCOPUS pada aras 01.

Seterusnya beliau juga pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2011 atas kecemerlangan di dalam penyelidikan, penerbitan dan sumbangan terhadap industri, universiti dan masyarakat. Selain itu, beliau pernah disenarai pendekkan sebagai penerima anugerah bagi dua kategori iaitu Anugerah Penerbitan Jurnal dan Anugerah Inovasi dan Pengkomersilan Produk di Anugerah Akademi Universiti 2012.

Selain daripada pelbagai jurnal, prosiding dan harta intelek, hasil penyelidikan beliau juga mendapat liputan dari pelbagai media massa seperti majlis pelancaran produk My 2nd Eye bersama Standard Chartered, memenangi anugerah di pelbagai pertandingan dan pameran inovasi dan sebagainya dan dapat menaikkan nama dan kekuatan universiti di peringkat antarabangsa dan kebangsaan.

PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSILAN

Setelah menamatkan pengajian di peringkat sarjana pada tahun 2010, beliau telah terlibat secara langsung dalam penyelidikan dan inovasi. Beliau sangat aktif dalam memohon setiap geran yang ditawarkan bagi menjalankan aktiviti penyelidikan yang bermutu serta mempunyai impak berkualiti kepada Universiti. Bermula dari tahun 2012, beliau telah dianugerahkan geran jangka pendek dan seterusnya berjaya mendapatkan empat (4) geran penyelidikan jangka panjang iaitu tiga (3) FRGS dan dua (2) ERGS yang berjumlah RM 196,000. Salah satu dari FRGS tersebut diketuai oleh beliau yang berjumlah RM 60,000. Selain itu, pada tahun 2013 beliau juga dianugerahkan beberapa geran jangka panjang dan salah satunya adalah geran KTP yang diketuainya berjumlah RM 192,567.00. Beliau juga terlibat secara langsung dalam beberapa geran lain seperti MTUN, industri dan PRGS serta geran Top Down. Selain daripada aktiviti penyelidikan yang dibuat, beliau juga bergiat aktif didalam aktiviti inovasi diperingkat kebangsaan melalui MOSTI, universiti dan fakulti. Beliau telah menyertai lebih 15 pertandingan dan pameran inovasi termasuk pertandingan '*Business Plan*' di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebanyak 48 pingat di peringkat antarabangsa dan kebangsaan termasuk anugerah khas, emas, perak dan gangsa dari pelbagai organisasi. Dalam membangunkan produk inovasi, beliau telah berjaya untuk memfailkan tiga (3) paten, satu (1) rekabentuk industri, satu (1) hak cipta, satu (1) tanda dagangan yang dapat menjana kekayaan kepada universiti seterusnya negara. Produk beliau iaitu My 2nd Eye telah menjalinkan kerjasama bersama Standard Chartered Bank Malaysia Berhad pada tahun 2014.

SUMBANGAN KEPADA UNIVERSITI DAN MASYARAKAT

Sepanjang perkhidmatan di UTeM, beliau telah dilantik sebagai ketua dan ahli bagi beberapa jawatankuasa di peringkat universiti dan fakulti. Secara keseluruhannya, terdapat 14 Jawatankuasa di peringkat universiti dan sebanyak 28 jawatankuasa di peringkat fakulti. Di peringkat universiti, jawatankuasa seperti Kumpulan Kreatif dan Inovatif, i-Green, Western Digital, ROBOCON, MIROC dan sebagainya. Beliau telah bersama kumpulan kreatif dan inovatif bagi mempromosikan dan membudayakan inovasi dan kreativiti di kalangan semua stat di UTeM tidak mengira jawatan seperti pensyarah, juruteknik, pentadbiran dan sebagainya. Selain itu juga, beliau juga aktif dalam mengelolakan pertandingan berkaitan dengan robotik dan rekapipta. Diantara pertandingan yang mendapat impak yang tinggi seperti Proton Green Mobility Challenge (PGMC) dimana beliau dipertanggungjawabkan di dalam kumpulan "monitoring" yang dianugerahkan "Best Research & Development". Di peringkat fakulti, beliau juga terlibat dalam JK pelaksanaan dan perancangan OBE, hubungan industri MOU & MOA, pertandingan dan inovasi dan sebagainya. Tambahan lagi, beliau telah menerima hampir 40 pingat secara keseluruhannya yang meliputi MTE, Geneva, ITEX, i ENVEX, NRIC, CIGIF, UTEMEX, PECIPTA, iMSC, PGMC, MIROC, APICTA Innoserve Contest dan sebagainya. Beliau juga telah dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2011.

Dari sudut sumbangan kepada masyarakat, beliau bergiat aktif sebagai perunding kepada beberapa sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia seperti Sekolah Kebangsaan Paya Rumpit dan Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah Melaka. Selain itu, beliau juga terlibat sebagai perunding di Maktab Rendah Sains Mara Alor Gajah dan Maktab Rendah Sains Mara Gemencheh. Beliau terlibat secara langsung sebagai perunding bagi badan komuniti seperti perunding kepada Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan dalam membangunkan produk inovasi bagi komuniti tersebut. Disamping itu juga, beliau telah dilantik oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sebagai pakar teknikal (mekatronik) bagi program Jejak Inovasi yang dianjurkan oleh MOSTI dan YIM pada Julai 2011. Beliau juga pernah dilantik sebagai panel penilai dan hakim bagi beberapa program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti di International Engineering Invention & Innovation Exhibition (i ENVEX) pada 2011, pertandingan Malaysia University Robot Competition, F1 in School dibawah Kementerian Pelajaran Malaysia dan pertandingan ROBOFAIR MRSM Se Malaysia 2012 di MRSM Terendak. Selain itu, di peringkat matrikulasi, beliau bergiat aktif sebagai penggubal dan pemeriksa kertas soalan dan jawapan bagi Kertas Pengajian Kejuruteraan Matrikulasi Malaysia. Dari sudut lantikan sebagai penceramah, beliau telah diundang oleh beberapa tempat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa sebagai penceramah jemputan. Di peringkat antarabangsa, beliau telah dijemput oleh University of Tokushima sebagai penceramah di satu seminar teknikal di universiti tersebut. Beliau juga telah dijemput sebagai penceramah di Seminar Produk Inovasi Kesihatan yang dijalankan di Jabatan Ketua Menteri Melaka untuk membentangkan tentang produk inovasi beliau yang membantu orang kurang upaya. Selain itu, di peringkat universiti, beliau telah dijemput sebagai penceramah di Kursus Pengenalan kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) membincangkan pengenalan serta alat-alat asas bagi membantu melicinkan pelaksanaan program di bawah Kumpulan Inovatif dan Kreatif UTeM.

Anugerah Pengajaran

Anugerah Pengajaran bertujuan memberi pengiktirafan dan sanjungan kepada para pensyarah dan tenaga pengajar yang telah melaksanakan tanggungjawab pengajaran dan bimbingan pelajar dengan penuh dedikasi, komited, dan sempurna selama sekurang-kurangnya **lima (5) tahun**, untuk menghasilkan siswazah yang berkualiti tinggi.

Pengajaran dalam konteks ini didefinisikan sebagai aktiviti kreatif yang direka bentuk untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan mengembangkan kebolehan, bakat serta minat pelajar.

Kriteria Penilaian:

- Falsafah pengajaran
- Pengetahuan dan kemahiran berkaitan pengajaran
- Persediaan pengajaran
- Kaedah pengajaran
- Kaedah penilaian hasil pembelajaran
- Bimbingan dan penyeliaan

Galon perlu mengemukakan portfolio pengajaran, melaksanakan pengajaran mikro (akan dibuat dalam kelas).

Calon-calon:

- i. Amir bin Aris
- ii. Ahmad Shaarizan bin Shaarani





AMIR BIN ARIS

FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN

Memegang prinsip falsafah pengajaran iaitu "*coaching is too see what you can't see in yourself, from good to great, it takes to win not only in class but in life*" dan memilih konsep 'coaching' atau bimbingan dalam membentuk generasi Y dalam pengajaran beliau. Untuk mencapai falsafah tersebut, nilai keguruan secara inklusif dan afektif kepada pelajar agar dapat merasai inspirasi terhadap kandungan subjek yang disampaikan serta hubungkait dengan kehidupan. Beliau menginspirasi pelajar untuk merasai 'kecemerlangan dengan jiwa' (*Excellence with SouO*).

Merupakan graduan dalam bidang (HRD), UTM, BSc. (HRD), beliau memperoleh tujuh (7) kelayakan profesional yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, berpengalaman dalam bidang industri selama tiga (3) tahun, perundingan tujuh (7) tahun, sesi pengajaran selama tujuh (7) tahun telah memberikan keyakinan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Mengaplikasikan kaedah berasaskan *Student Centered Learning (SCL)*, *Problem Based Learning (PBL)* dan *formal cooperative learning* dapat membantu menjadikan sesi pembelajaran bertenaga dan berkesan.

Bahan pengajaran yang dibangunkan adalah berdasarkan objektif kursus dan program yang telah ditetapkan fakulti melalui penyediaan rancangan pengajaran. Ianya juga merangkumi hasil pembelajaran, buku rujukan, kaedah penilaian, jumlah jam pertemuan, SCL dan topik pengajaran. Di samping itu penyediaan tugas dan pentadbiran kelas secara keseluruhannya disediakan supaya pelaksanaan kelas dapat dijalankan dengan teratur dan mencapai objektif.

Kaedah pengajaran yang dipilih adalah berdasarkan pemasalahan utama yang sering dihadapi pelajar antaranya masalah komunikasi khususnya bagaimana meningkatkan kemahiran pengucapan awam dan masalah meningkatkan motivasi dalam kelas. Bagi mengatasi permasalahan ini, kaedah pengajaran dibahagikan kepada dua (2). Kaedah yang pertama yang digunakan iaitu kaedah *hardware*, yang mengaplikasikan kaedah "Jig-Saw" yang sangat efektif dalam meningkatkan keyakinan berkomunikasi serta meningkatkan kefahaman kandungan disebabkan konsep pengulangan. Kaedah *software* adalah kaedah kedua iaitu kaedah yang menerapkan inspirasi kepada pelajar untuk berfikir positif, berambition mantap dan mengenal kekuatan potensidiri melalui **TEKNIK COACHING** dan **TERAPI NEURO LINGUISTIC PROGRAMMING (NLP)**. Kedua-dua kaedah ini dilaksanakan secara bersama mengikut keperluan kumpulan atau individu pelajar.

Melalui kaedah pengajaran *Jig-Saw*, teknik *Coaching* dan terapi NLP yang diaplikasikan telah menunjukkan perubahan yang sangat positif. Menerusi maklumbalas yang diterima, teknik ini memberi keyakinan bahawa falsafah pengajaran telah dihayati dan diterjemahkan oleh para pelajar. Beliau juga menggunakan penilaian Kirkpatriks (1979) dimana ianya merangkumi empat (4) peringkat penilaian iaitu reaksi, pembelajaran, tingkah laku dan hasil. Kaedah ini juga dapat menjadikan pelajar seronok, sangat berkeyakinan dan memahami kandungan subjek dengan berkesan.





AHMAD SHAARIZAN BIN SHAARANI FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Beliau merupakan salah seorang pensyarah yang menggunakan pendekatan teknologi dan inovasi di dalam bilik kuliah dan telah mendapat latihan di *Apple Learning Academy*. Beliau menegaskan pensyarah seharusnya tidak takut dengan teknologi malah perlu adaptasikan teknologi di dalam bilik kuliah kerana perkembangan dan perubahan teknologi begitu pantas dan para pelajar terutamanya Gen-Y. Selari dengan falsafah yang dipegang oleh beliau iaitu "*Engagging students make difference & believe in the power of innovation in teaching and learning*" telah diadaptasikan di dalam bilik kuliah.

Seterusnya inovasi beliau dalam pengajaran ialah dengan menerapkan nilai kreativiti dalam pengajaran, menggunakan teknologi (penggunaan iPad) dalam bilik kuliah dan pendekatan *active learning* bukan sahaja bagi pelajar peringkat Sarjana Muda malah di peringkat Sarjana. Beliau juga sering mengadakan perbincangan dengan semua pensyarah yang terlibat dan pemantauan dilakukan dari semasa ke semasa bagi memastikan kandungan subjek yang diajar adalah sama dan selari bagi semua kumpulan pelajar. Di dalam bilik kuliah, beliau banyak mengadakan aktiviti contohnya seperti pendekatan *Cooperative Learning* sama ada *Think Pared Shared, Jigsaw, Group Discussion & Presentation, Small Group Activity* dan sebagainya.

Selain itu juga, kepakaran beliau dalam menggunakan iPad telah diakui dan beliau sering dijemput oleh pihak PSTP untuk membimbing pensyarah terutamanya bagi membangunkan iBook dan penggunaan iPad di dalam bilik kuliah. Beliau seboleh mungkin cuba menggunakan kemudahan iPad yang telah disediakan oleh pihak universiti dalam bilik kuliah dan makmal di peringkat ijazah sarjana muda dan pasca siswazah. Beliau juga terlibat dalam pembangunan iTunes, bengkel *Using New Web Technology*, Pembentangan iBook semasa lawatan *Magnetic* dan lain-lain lagi.

Beliau merupakan seorang pensyarah yang berdedikasi serta rapat dengan pelajar. Pendekatan yang digunakan ialah beliau menjadikan *Facebook* dan *U-Learn* sebagai perantara di antara beliau dan pelajar bagi tujuan pengajaran atau segala bentuk maklumat berkaitan dengan kandungan kursus. Biasanya saluran yang digunakan untuk menyampaikan skema jawapan kepada para pelajar ialah dengan muat naik ke dalam laman sosial (*Facebook*).

Penggunaan *Facebook* ini dilakukan pertama kali di awal pertemuan dengan pelajar iaitu mencipta laman facebook tertutup (hanya boleh dicapai oleh para pelajar dalam kumpulan berkenaan dan beliau sahaja). Beliau mendapati pendekatan ini berkesan kerana pelajar boleh menghubungi beliau bila-bila masa sahaja. Ini jelas menunjukkan bahawa saluran laman sosial boleh digunakan untuk tujuan kebaikan terutamanya di dalam P&P. Selain daripada menyampaikan kuliah, beliau banyak melakukan aktiviti di dalam bilik kuliah. Selain itu juga beliau akan mendapatkan maklumbalas daripada para pelajar bagi mengetahui sejauhmana pemahaman mereka terhadap sesuatu topik.

Dari sudut penilaian, beliau membuat penilaian pengajaran melalui Proses Brainstroming (dalam bentuk aktiviti) bagi mengenalpasti apakah bentuk dan tajuk projek yang akan dibangunkan oleh setiap kumpulan pelajar. Beliau akan memberi panduan bagaimanakah cara pelajar dapat mengenalpasti dan menghasilkan idea bagi membangunkan permainan komputer 20 Game Development bagi projek kumpulan pelajar masing-masing agar idea mereka lebih unik dan datang dari idea asal ahli kumpulan pelajar itu sendiri. Di antara sumbangan-sumbangan yang telah diberikan oleh beliau dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran ialah bertanggungjawab sebagai penyelia untuk menilai pengajaran pensyarah dalam bidang pengajaran dan penyeliaan. Pelantikan beliau dibuat oleh pihak Pusat Pengajaran & pembelajaran (PPP) selama tempoh 4 tahun berturut-turut sehingga sekarang. Beliau sering memberikan cadangan di dalam laporan penilaian tersebut bagi meningkatkan keupayaan pensyarah muda terbabit melalui borang penilaian kepada Pusat Pengajaran & Pembelajaran (PPP).

Selain itu, beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa OBE peringkat fakulti yang memastikan setiap pensyarah melaksanakan OBE di dalam pengajaran mereka dan beliau juga terlibat dalam mewujudkan kurikulum pengajian Sarjana Muda Media Interaktif, memberi idea dan merangka keperluan bangunan tetap fakulti, membangunkan kandungan kursus bagi setiap matapelajaran, membantu fakulti mendapatkan kelulusan bagi menawarkan program pengajian dan kerja-kerja pentadbiran.

Anugerah Penerbitan Buku

Anugerah Penerbitan Buku diberikan kepada penulis buku karya asli dalam bentuk buku Ilmiah (tidak termasuk Buku Teks, Modul dan Manual) dan Monograf sahaja yang dihasilkan oleh seorang atau tidak lebih daripada tiga orang penulis bersama. Hanya buku karya asli edisi pertama cetakan 2014 sahaja layak dicalonkan. Karya ini adalah hasil penyelidikan dan kajian yang distruktur mengikut bentuk formal dan mematuhi piawai penerbitan. Karya hendaklah yang diterbitkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja. Anugerah ini adalah untuk karya terbitan ilmiah oleh Penerbit Universiti, UTeM dan terbuka kepada anggota MAPIM (Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia) pada tahun 2014.

Kriteria Penilaian

- Isi kandungan
- Impak ilmiah
- Gagasan
- Anatomi dan reka bentuk buku

Calon-calon

- i. Ir. Dr. Puvanasvaran AILA Perumal



IR. DR. PUVANASVARAN A'PERUMAL
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN

TAJUK BUKU
LEAN MANUFACTURING TOOLS AND TECHNICUES

SINOPSIS BUKU

Lean manufacturing is neither a new philosophy that needs to explore nor to be adopted in industries, but is a concept to enhance many manufactures to increase production capacity in minimum cost invested and eliminate waste. However, lean knowledge in every engineer can be questioned and to develop a lean culture, lean ideology is required. Furthermore to gain the knowledge in lean required engineers to buy a bunch of lean's book. By realizing on this gap, the author wrote a book with compilation concepts. This compilation of lean books will help engineers to gain better understanding on lean concept and tools. Typical seven types of wastes have been widely discussed, however an additional waste: underutilize people also important to be focused on due to achieve higher cost saving. The additional concept towards perfection: six sigma and cellular manufacturing also been provided in order to give exposure as well as guiding the engineer to enhance the manufacturing process. Integration between lean concepts and six sigma also has been clearly explained where the concept lead to recognize the problem occurred in industries and provide simple steps to enhance the continuous improvement activities.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

IMPAK BUKU KEPADA KOMUNITI DAN MASYARAKAT

This book represents a competitive manner for Engineers to understand and easy to be implemented in their industries. Together with this book, some useful example and case study are provided in order to give them a real view on success of lean. The specialities of this book are every formul a of calculation in highlighted and an additional of seven types of waste is discussed clearly. For engineers, this book will gave a bunch of benefits by providing a key to start the continuous improvement project.

Anugerah Penyelidikan

Anugerah Penyelidikan ini adalah bagi mengiktiraf staf yang telah menghasilkan penyelidikan ke arah proses penemuan dan penerokaan ilmu. Anugerah ini juga diwujudkan untuk menggalakkan lebih banyak inovasi hasil penyelidikan di kalangan staf akademik UTeM.

Kriteria Penilaian :

- Geran Penyelidikan
- Hasil Penyelidikan
- Penyeliaan Pelajar Pasca Siswazah Mod Penyelidikan
- Pengiktiratan dan Rujukan
- Anugerah

Calon-calon:

- i. Prof. Madya Dr. Zahriladha bin Zakaria
- ii. Dr. Abdul Rahim bin Abdullah
- iii. Prof. Madya Ir. Dr. Sivarao AIL Subramanian
- iv. Dr. Kok Swee Leong



PROF. MADYA DR. ZAHRIADHA BIN ZAKARIA
FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN
KEJURUTERAAN KOMPUTER

GERAN PENYELIDIKAN

